

Tajuk: Tahap Penerimaan Pekerja Lulusan SLDN di Alam Pekerjaan
(Kajian Penggiatan SLDN, JPK)

ABSTRAK

Sejajar dengan pembangunan negara yang semakin pesat telah mendorong peningkatan terhadap keperluan tenaga kerja mahir yang kompeten dan berdaya saing. Perlaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang mula diperkenalkan sejak tahun 2005 telah menjadi satu platform bagi sektor pekerjaan dalam menjanakan tenaga kerja yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal, malahan juga nilai tambah dari segi sikap, pengetahuan kerja dan kemahiran sosial serta mampu meningkatkan produktiviti kerja. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji sejauh mana penerimaan pekerja lulusan SLDN di alam pekerjaan, dari aspek kebolehkerjaan dan kebolehpasaran. Kajian ini menggunakan kaedah campuran metode iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan penggunaan *semi-structured interviews* dan perbincangan kumpulan berfokus (FGD). Penganalisaan kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Tahap kebolehkerjaan dan kebolehpasaran dinilai berdasarkan penilaian persepsi majikan dan juga pekerja lulusan SLDN dan disokong dengan data kualitatif yang diperolehi menerusi temuduga dan sesi FGD. Penilaian keseluruhan mengikut tahap persepsi menunjukkan majikan dan pekerja mempunyai persepsi yang sangat positif terhadap kebolehkerjaan dengan nilai skor min sebanyak 4.2907 (majikan) dan 4.4270 (pekerja). Majikan dan pekerja juga didapati telah memberikan persepsi yang sangat positif terhadap kebolehpasaran pekerja lulusan SLDN dengan nilai skor min sebanyak 4.3962 (majikan) dan 4.5054 (pekerja). Manakala hasil analisa regresi pula menunjukkan bahawa 73 peratus faktor-faktor yang dikaji di dalam kebolehkerjaan (seperti sikap, kemahiran teknikal, kemahiran sosial dan pengetahuan kerja) memberi pengaruh terhadap kebolehpasaran (produktiviti kerja dan penerimaan program) pekerja lulusan SLDN, dari perspektif majikan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor kemahiran sosial adalah penyumbang utama dalam meningkatkan kebolehpasaran pekerja lulusan SLDN.

ABSTRACT

Competent and competitive skilled workforce is in dire need for Malaysia rapid development. Thus, National Dual Training System (NDTS) introduced in 2005, has become a platform for employment sector in generating human capital growth. Skilled workforce possessing the right technical skills plus the value-added elements in terms of attitudes, knowledge and social skills is meant to increase their work productivity. The purpose of this study is to examine the acceptance level of the employees with NDTS qualification in term of the employability and marketability aspects. The study approaches was a quantitative and qualitative type in nature. Semi-structured interviews and focus group discussion (FGD) were also carried out to gather the perception of employers towards their employees. Data were analyzed using descriptive and inference methods. The overall findings of the research indicated that both employers and employees has positive perception towards the employability aspects of NDTS graduates with mean scores of 4.2907 (employers) and 4.4270 (employees). Interestingly, perception towards marketability aspects also had the highest average scores of 4.3962 and 4.5054 from the employers and employees respectively. In addition, the results of the regression analysis revealed that 73 percent of the factors in the employability aspects (attitude, technical skills, social skills and job knowledge) have had significant impact and influence on marketability aspects (work productivity and program acceptance). Obviously, the study discovered that social skills factor is the major contributor in improving the marketability of the employees with NDTS qualification.